

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MUKTAMAR INTELEK ISLAM DI DEWAN AL-MALIK FAISAL, FAKULTI ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN, PETALING JAYA PADA 2HB OGOS, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh!

Saudara Pengerusi Mukhtar, Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Para Peserta Mukhtar dan Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat bersama-sama menghadiri Majlis Pembukaan Mukhtar Intelek Islam yang pertama kali dianjurkan oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, Malaysia, dan seterusnya diberi penghormatan untuk merasmikannya. Majlis ini juga memberikan saya peluang beramah mesra dengan para intelek Islam kita dari seluruh tanahair. Saya mengambil kesempatan ini menegaskan lagi hasrat dan cita-cita Negara kepada saudara-saudara sekalian di saat mana penggembelangan tenaga dan usaha seluruhnya sangat-sangat diperlukan dalam perjuangan meninggikan syiar Islam di negara ini khasnya dan di seluruh dunia Islam amnya.

Saudara-saudara sekalian.

Syukur Alhamdulillah, hari ini pandangan negara-negara Islam yang lain kepada Negara kita sangatlah baik. Kita telah dapat membuktikan bahawa cita-cita dan azam kita hendak meninggikan syiar Islam bukanlah tinggal cita-cita semata-mata bahkan boleh dilihat jelas dari kemajuan yang telah dicapai selama ini.

Selain daripada mengadakan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa setiap tahun, kita telah berbuat apa yang patut meletakkan ugama Islam di tempat yang tinggi dan mulia di negara ini dan antara langkah-langkah yang terpenting ialah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang kelima baru-baru ini.

Begitu juga Masjid Negara yang menjadi lambang keagungan umat Islam menjalan kegiatan penting iaitu Makhad Tahfizal

Quran dan Qiraat, kelas-kelas Ugama dan kelas-kelas Muqaddam dan Al-Quran bagi kanak-kanak dan mempunyai Perpustakaan yang teratur.

Kita melaksanakan sistem pelajaran Ugama Islam di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi termasuk di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan yang mana akan terus diperbaiki dari semasa ke semasa. Di samping itu kita telah melancarkan Tabling Ekonomi Islam sebagai satu usaha meninggikan taraf masyarakat Islam sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan telah mengambil langkah menaikkan taraf pegawai-pegawai Ugama kepada taraf yang sesuai dengan kemampuan dan kelayakan mereka dengan harapan supaya mereka dapat memberikan khidmat yang baik dan berkesan kepada masyarakat. Dalam hal ini saya berharap agar mereka menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan cekap agar rakyat benar-benar menghargai perkhidmatan yang diberikan kepada mereka lebih-lebih lagi dalam bidang keugamaan.

Saya amat berpuashati dengan kemajuan kita mengiktiraf kedudukan para intelek Islam dan memberikan mereka tempat yang wajar dalam bidang pentadbiran. Kalau selama ini amnya para intelek Islam hanya tertumpu di bidang pendidikan terutama sekolah Ugama Rendah dan Menengah, hari ini mereka memainkan peranan penting dalam pentadbiran ugama Islam di peringkat Negeri dan Pusat. Pada masa hadapan, lebih banyak lagi tenaga akan diperlukan oleh negara untuk memenuhi tempat-tempat penting berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan meletakkan ugama Islam pada tempatnya yang wajar sebagai ugama rasmi. Dengan adanya langkah-langkah ini, maka semakin terbukalah peluang untuk para intelek Islam membalas semula budi baik negara kepada mereka dengan memberikan saudara-saudara peluang melanjutkan pelajaran di dalam ataupun di luar negeri.

Tidak berapa lama dulu kita telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah untuk menyelaraskan kegiatan dakwah seluruhnya. Adalah harapan kita semua manakala Yayasan ini berjalan dengan sempurna, segala kegiatan dakwah akan lebih teratur dan berprogram untuk membawa hasil yang lebih baik dan munafaat kepada umat Islam.

Hari ini Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam telah diperkemaskan lagi supaya dapat memainkan peranan yang lebih penting dan berkesan. Di bawah riayahnya, Institiut Dakwah dan Latihan mengadakan kursus-kursus dan latihan teknik kepada Pegawai-pegawai Ugama kita. Dalam bangunan yang sama, Pusat Penyelidikan Islam mengadakan kemudahan untuk membuat kajian dan penyelidikan di bidang keugamaan supaya segala perbendaharaan Islam yang maha berharga itu dapat diperkenalkan kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam baru-baru ini, saya telah mencadangkan supaya Persidangan mengambil dayausahanya menyusun satu program jangka panjang untuk dilaksanakan bersama dalam bidang pengkajian dan penyelidikan ugama Islam terutama dalam tafsiran Al-Quran.

Hari ini masih ramai penganut-penganut ugama Islam di beberapa negara belura begitu faham betul dengan ajaran-ajaran ugamanya sendiri dan dengan sebab kelemahan dan sikap tidak indah ini, maka kadang kala maksud isi kandungan Kitab Suci Al-Quran itu disalahtafsirkan oleh setengah-setengah saudara Islam kita sendiri. Oleh itu amatiah penting pada hemat saya dari segi pembangunan fisikal dan rohaniah suatu persetujuan dicapai mengenai penterjemahan khususnya atas perkara-perkara yang menyentuh prinsip-prinsip pengajaran ugama dan cara kehidupan kita sehari-hari.

Sejarah ilmiah Islam kita telah mencapai kemuncak yang paling tinggi semasa zaman keagungannya dahulu dengan adanya kemajuan cemerlang dalam beberapa lapangan seperti sains, teknologi, falsafah dan hukum-hukum syariah. Sesungguhnya tidaklah di luar kebolehan kita hari ini untuk menghidupkan semula semangat ilmiah Islam dan menjalankan satu rancangan pengkajian dan penyelidikan bersama bagi mencapai persefahaman yang lebih baik dan erat lagi berhubung dengan ajaran-ajaran Islam sesuai dengan pembangunan dan perkembangan yang terdapat sekarang ini.

Cadangan saya itu nampaknya mendapat sambutan baik dari semua dan yang demikian Pusat Penyelidikan Islam mestilah bersedia untuk mengatur program ini untuk dijadikan asas kerja

yang dikehendaki itu. Begitu juga saya harap saudara-saudara sekalian kaum intelek Islam Malaysia dapat memikirkan usaha dan cara yang baik bagi melaksanakan cita-cita suci ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita menyatakan iaitu Pusat Islam di Jalan Lembah telahpun siap. Maka itu patutlah kita mengambil langkah untuk persediaan yang perlu dalam usaha membulatkan tenaga dan pemikiran serta sikap masyarakat Islam kita terhadap gerakan meninggikan syair Ugama kita yang maha suci ini. Dalam hal ini peranan para Intelek Islam sangatlah penting dan saya harap saudara-saudara akan tampil ke depan menyambut cabaran itu. Kerajaan telahpun menyediakan segala kemudahan untuk memajukan Ugama Islam. Di pihak Kerajaan, kita telah turut serta mempelupuri rancangan-rancangan yang lebih luas meliputi Negara-negara Islam sedunia seperti Penubuhan Bank Pembangunan Islam yang mana kita sungguh bertuah oleh kerana Al-Malik Faisal sendiri meminta supaya Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Pengerusinya yang pertama. Ini tidak syak lagi adalah bukti yang nyata betapa tingginya pandangan dunia Islam kepada negara kita melalui kegiatan dan kesungguhan kita terhadap ugama Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi langkah positif ialah pengiktirafan ijazah-ijazah dan Universiti-universiti Islam di Asia Barat dan Afrika Utara. Saya puashati mendengar bahawa tindakan Kerajaan itu disambut baik oleh semua dan saya percaya akan menambah semangat saudara-saudara dalam usaha membimbing masyarakat ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup di dunia ini serta ke bahagian di akhirat kelak.

Sesungguhnya negara kita amat beruntung dengan adanya im-bangan tenaga, khasnya dalam masyarakat orang-orang Melayu, antara golongan berpendidikan tradisional dan berpendidikan moden yang digembelinkan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Sumbangan pemimpin-pemimpin serta rakyat biasa dan kalangan alim ulama dan guru-guru Melayu tidak ternilai harganya terutama di peringkat bawahan atau grass-root di kampung dan desa. Hari ini kita lihat pula munculnya golongan intelek yang berpendidikan Islam di Asia Barat dan Afrika, dan tidak sedikit

pula antara saudara-saudara dapat meneruskan pengajian di Universiti Eropah dan Amerika. Tenaga baru ini bila digabungkan dengan golongan terpelajar kita yang lain merupakan satu kekuatan yang tiada tolok bandingnya dalam ertikata pembangunan masyarakat Malaysia baru yang lengkap dengan ilmu pengetahuan humanities dan ugama dalam context manusia moden dan bertamadun. Saya sekali lagi menegaskan agar saudara-saudara memahami sepenuhnya hasrat serta cita-cita nasional kita dan bersama-sama memberikan sumbangan bakti supaya dapat dicapai dengan penuh kejayaan. Saya tahu ramai antara saudara-saudara bergiat cergas di lapangan politik dan sudah tentu lebih ramai antara saudara-saudara yang ada di sini akan mengambil tempat yang penting dalam pentadbiran negara.

Dengan naraa Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, saya sukacita merasmikan Muktamar Intelek Islam Malaysia ini. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.